

## LAPORAN PELAKSANAAN

<b>AKTIVITI</b>	: SEMINAR PENGAMBILAN TANAH 2022
<b>TEMA</b>	: PEMBANGUNAN NEGARA: KEPERLUAN DAN CABARAN PENGAMBILAN TANAH
<b>TARIKH</b>	: 25 HINGGA 26 JULAI 2022
<b>TEMPAT</b>	: HOTEL TENERA, BANGI, SELANGOR
<b>PENGLIBATAN</b>	: SEMUA SEKTOR

### RINGKASAN PROGRAM:

Satu lagi kejayaan!

Alhamdulillah, setelah lebih dua tahun seminar secara fizikal tidak dapat dilaksanakan oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), sekali lagi INSTUN melakar sejarah pengajuran Seminar Pengambilan Tanah 2022 selama dua hari iaitu pada 25 dan 26 Julai 2022 dengan cemerlang. Pengajuran pada kali ini yang bertemakan "Pembangunan Negara: Keperluan dan Cabaran Pengambilan Tanah" dianjurkan bersempena Sambutan Hari Tanah Negara 2022 di bawah peruntukan Akaun Amanah INSTUN.

Seminar pada kali ini telah menampilkan para penceramah dengan tajuk seperti berikut:

BIL.	PENCERAMAH	TAJUK
1.	<b>ENCIK JAIYA BIN ABU</b> Pengarah, Bahagian Pengurusan dan Perundungan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)	1. UTILITI BAWAH TANAH: ISU DAN KEPERLUAN PENGAMBILAN TANAH BAWAH TANAH 2. FORUM: ISU DAN CABARAN DALAM PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK PERSEKUTUAN
2.	<b>ENCIK SHAMSUL ARSHAD BIN ABDUL RAZAK</b> Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	APT 1960 vs MUTUAL AGREEMENT
3.	<b>ENCIK FIRDAUS BIN ABD WAHAB</b> Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengambilan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG)	PENGAMBILAN STRATA DAN STRATUM: CABARAN PEMBANGUNAN NEGARA

	<b>ENCIK MOHD HAFIZ BIN JAMALUDDIN</b> Penolong Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Negeri Kelantan	PERKONGSIAN PENGALAMAN: CABARAN BANTAHAN KES KE MAHKAMAH
4.	<b>Sr. Abd Rahman bin Jazuli @ Mahmood,</b> Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan dan Utiliti), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	UTILITI BAWAH TANAH: ISU DAN KEPERLUAN PENGAMBILAN TANAH BAWAH TANAH
6.	<b>Sr. Nur Wahida binti Abdul Wahab,</b> Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Kuala Lumpur	KONSEP PENILAIAN HARTA TANAH DALAM ASPEK PENGAMBILAN TANAH BAWAH TANAH
7.	<b>En. Thirunavukarasu a/l Loganathan,</b> Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Unit Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, Kementerian Kerja Raya (KKR),	FORUM: ISU DAN CABARAN DALAM PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK PERSEKUTUAN
8.	<b>YA Puan Narkunavathy Sundareson,</b> Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Sungai Petani	FORUM: ISU DAN CABARAN DALAM PENGAMBILAN TANAH BAGI PROJEK PERSEKUTUAN

Pemilihan tajuk adalah dibuat dengan teliti setelah perbincangan secara terperinci Bahagian Pengurusan dan Perundungan Tanah (BPPT) selaku urusetia utama bersama Bahagian Pengambilan Tanah (BPT) dan Bahagian Dasar & Konsultansi (BD&K), JKPTG bagi memenuhi keperluan sektor awam dan swasta yang terlibat dengan pengambilan tanah pada masa kini. Pemilihan tajuk juga dilihat relevan dengan pembangunan masa akan datang dengan menekankan aspek pengambilan tanah bawah tanah. Penentuan para penceramah pula dibuat dengan melihat latar belakang pegawai yang mempunyai pengalaman yang luas berkaitan tajuk yang dibangunkan. Seterusnya, kedua-dua perkara ini dibincang dan diputuskan bersama oleh Ahli Jawatankuasa Akaun Amanah INSTUN.

INSTUN selaku penganjur amat berbesar hati atas kerjasama semua penceramah dalam memastikan objektif seminar ini tercapai dengan penyampaian input, idea, pengetahuan dan pandangan yang mantap. Justeru, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penceramah atas kesudian melapangkan masa berkongsi pengalaman bersama para peserta.

Sebagai salah satu produk latihan berkaitan pentadbiran tanah INSTUN, seminar ini dilihat telah mencapai objektifnya dengan penekanan kepada aspek undang-undang dan prosedur dalam pengambilan tanah. Seramai 75 orang peserta berdaftar dari

pelbagai latar belakang iaitu anggota pentadbiran tanah, pensyarah, pelajar, sektor swasta seperti pemaju, penilai, juru ukur berlesen dan dari pihak berkuasa tempatan telah mendapat manfaat dari seminar ini. Pihak penganjur mengucapkan jutaan terima kasih kepada para peserta yang hebat atas kerjasama sepanjang seminar berlangsung.

Kejayaan penganjuran seminar ini juga tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu dari semua pihak. Justeru, INSTUN ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Ahli Jawatankuasa Akaun Amanah INSTUN, agensi dan jabatan di bawah KeTSA dan pengurusan INSTUN. Seminar pada kali ini juga mengamalkan gerak kerja yang sama seperti penganjuran sebelum ini dengan melibatkan wakil dari semua bahagian di INSTUN. Dengan semua pihak memainkan peranan yang mantap, maka seminar pada kali ini menjadi penanda aras baru penganjuran di INSTUN. Syabas dan tahniah kepada semua urusetia Seminar Pengambilan Tanah 2022!

Terima kasih.

#### **BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH, INSTUN**

## GAMBAR SEKITAR PROGRAM





